

15 OCT 2000

Pokok-Rangkuman

PELBAGAI SPESIES POKOK DITANAM SERENTAK DI SELURUH NEGARA HARI INI

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Sekurang-kurangnya 30 jenis spesies pokok ditanam secara serentak pada acara menanam 100,000 pokok alaf baru dalam masa seminit di seluruh negara hari ini.

Acara menanam pokok alaf baru peringkat kebangsaan itu diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri-menteri Besar serta Ketua Menteri di peringkat negeri serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan daerah di peringkat kerajaan tempatan tepat pada pukul 9.35 pagi.

Dr Mahathir mengetuai acara bersejarah itu di Taman Bukit Jalil di sini dengan menanam sebatang pokok kapur atau nama saintifiknya "dryobalanops aromatica" manakala isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pula mengetuai acara menanam di Kompleks Penyayang BAKTI di Bandar Sri Damansara dekat sini dengan menanam pokok kayu balak atau "khaya senegalensis".

Acara menanam pokok sempena sambutan Hari Habitat Sedunia hari ini merupakan usaha untuk mencatat dalam Malaysia Book of Records dan menjadikan Malaysia negara taman menjelang 2005.

Di PORT DICKSON, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mengetuai rakyat Negeri Sembilan menanam sejumlah 4,000 batang pokok dengan setiap pihak berkuasa tempatan diperuntukan 500 batang pokok.

Dalam ucapannya Mohamed Isa berkata kerajaan akan terus memberi perhatian dalam memelihara alam sekitar di negara ini dan berharap usaha kerajaan itu akan mencetuskan kesedaran di kalangan orang ramai untuk terus menanam pokok.

"Ini adalah tanggungjawab semua pihak untuk memelihara alam sekitar," katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam mengetuai penanaman sebanyak 1,800 batang pokok "casuarina equisetiplisia" di Pantai Puteri yang sebelum ini dikenali sebagai Pantai Kundor.

Sebanyak 3,000 pokok ditanam di Melaka sempena acara penanaman pokok alaf baru itu.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman mengetuai upacara menanam pokok alaf baru di kawasan rezab Sungai Stulang, Stulang Darat yang melibatkan sebanyak 1,000 pokok jenis "Tecoma" yang mempunyai jangka hayat sehingga 20 tahun.

Pokok-pokok itu ditanam di sepanjang Sungai Situlang Darat dan di sekitar bandar raya ini dengan bantuan Majlis Bandaraya Johor Baharu (MBJB), pelajar sekolah, pekerja-pekerja kilang dan anggota tentera.

Sejumlah 11,500 pokok ditanam di negeri itu hari ini.

Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Timbalan Naib Caselor Hal Ehwai Pelajar UTM, Profesor Dr. Mohd Zulkifli Tan Sri Mohd Ghazali bersama-sama 500 orang kakitangan dan pelajar universiti itu menanam sebanyak 50 pokok di Kolej Tuanku Canselor.

Di KUANTAN, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata program penanaman pokok di Pahang akan diteruskan meskipun sehingga kini jumlah pokok yang ditanam sudah 127.21 peratus melebihi sasaran yang ditetapkan.

Katanya sasaran yang ditetapkan ialah untuk menanam sebanyak 160,000 pokok sehingga Jun tahun ini dengan mengambil kira 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Pahang yang dianggarkan seramai 1.3 juta orang.

Sehingga September lepas, sebanyak 203,465 pokok berjaya ditanam di kesemua 11 daerah di negeri itu.

Sebanyak 6,000 pokok ditanam secara serentak di seluruh Pahang pagi ini yang mana 900 batang daripadanya ditanam di Kuantan, merangkumi spesies merawan siput jantan, medang teja dan kelat paya.

Di LANGKAWI, Pegawai Daerah Ismail Hamid hari ini mengetuai acara menanam 667 batang pokok alaf baru.

Pada majlis yang diadakan di kawasan tanah lapang di Kuala Muda, Padang

Matsirat di sini, sebanyak 300 pokok pelbagai jenis termasuk saga, pulai dan tapak kuda ditanam.

Pada masa yang sama, 367 pokok pula ditanam di lima sekolah di sini.

Di TAIPIING, Menteri Besar Perak Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali menanam pokok Samanea sp atau "Saman" di Taman Tasek di sini dan 11,999 pokok pelbagai spesies lagi ditanam di beberapa tempat di negeri ini.

Dengan jumlah itu, Perak mencatatkan rekod kebangsaan yang sebelum ini dipegang oleh Lahad Datu di Sabah yang menanam 10,000 pokok dalam masa seminggu.

Seramai 3,540 peserta termasuk murid sekolah menanam 1,186 pokok di taman itu.

Di PERLIS, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata Perlis setakat ini sudah menanam 65,000 pokok bernilai tinggi di negeri itu.

Katanya kegiatan menanam pokok bernilai tinggi akan dilakukan secara berterusan di kawasan lapang dan pinggir jalan raya dan setakat ini hampir keseluruhan jalan raya di Perlis telah ditanami dengan pelbagai jenis pokok terutama jati dan sentang.

Lebih seribu pokok jati dan merawan siput jantan ditanam pada acara menanam pokok yang diadakan di pesisiran Sungai Repoh.

Di ALOR SETAR, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Ahmad Bashah Md Hanipah mengetuai upacara penanaman pokok alaf baru peringkat negeri di Pejabat Perhutanan Pokok Sena dekat sini.

Katanya Kedah dijangka menanam lebih daripada 8,000 pokok daripada jenis mahagony, semarak api, banggol dan lain-lain di kawasan seperti tepi jalan raya, taman perumahan, masjid, sekolah dan kawasan persendirian.

Di KOTA BAHARU, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) menanam 1,000 pokok pelbagai jenis di tujuh dataran dan persiaran Kada hari ini.

Pengurus Besar Kada, Hassan Harun berkata sebanyak 400 pokok ditanam di Persiaran Kada Melor dan masing-masing 100 pokok di Dataran Kubang Panjang Tumpat, Dataran Tok Ajang di Pasir Puteh, Dataran Lati di Pasir Mas, Dataran Unit Pertanian Kecil Budi di Bachok, Komplek Rumah Pam Kemubu dan Dataran Langgot.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata perancangan pembangunan perlu mengambil kira usaha menghidupkan alam sekitar terutama kawasan yang dikhususkan untuk penanaman pokok.

Ini penting bagi mengelakkan pemusnahan pokok akibat kerja pelebaran jalan dan penyediaan talian utiliti, katanya semasa merasmikan upacara penanaman pokok peringkat negeri Sabah, di Dewan Serbaguna Pasir Putih, Putatan.

Sebanyak 9,000 pokok ditanam secara serentak di seluruh negeri hari ini.

Di KUALA LUMPUR, Dr Siti Hasmah berkata usaha untuk menghidupkan persekitaran memerlukan penglibatan semua pihak.

Ia boleh dilakukan melalui penganjuran aktiviti meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya pemeliharaan dan penanaman pokok bermula dari peringkat kanak-kanak," katanya semasa berucap pada majlis penanaman pokok di di Bandar Sri Damansara.

Persekitaran yang indah dan selesa menjadi satu komponen penting untuk menarik pelancong ke negara ini, katanya.

Sebanyak 105 batang pokok ditanam di kompleks itu yang dijayakan oleh Bakti, Jabatan Landskap Negara dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ).

Di KUCHING, Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Negeri Datuk Amar James Wong mengetuai 2,061 peserta daripada 111 pertubuhan sukarela menanam 500 pokok di sini.

Berdasarkan rekod, 9,000 pokok sudah ditanam di Sarawak, setakat ini, katanya.

Wong berkata kesemua 26 pihak berkuasa tempatan di negeri itu mampu menyumbang kepada kejayaan negara untuk mencatat rekod dalam Guinness World Book of Records dengan menanam 100,000 pokok dalam satu minit.

Di SIBU, 1,570 pokok ditanam hasil kerjasama Majlis Perbandaran Sibu

dan Majlis Daerah Pedalaman Sibul, sempana acara menanam pokok itu.

DI SELANGOR, Menteri Besar Datuk Dr Mohd Khir Toyo berkata Kerajaan Negeri Selangor akan meningkatkan lagi pelaksanaan program menanam pokok di semua peringkat supaya visi Malaysia menjadi sebuah "Negara Taman" akan tercapai menjelang tahun 2005.

Dr Mohd Khir Toyo berkata 12,548 batang pokok pelbagai jenis telah ditanam di 12 lokasi utama serentak dengan pelancaran program menanam pokok alaf baru yang dilancarkan oleh Dr Mahathir Mohamad pagi ini.

Katanya jumlah pokok yang dapat di tanam hari ini adalah 1,048 batang lebih daripada sasaran menanam 11,500 pokok yang ditetapkan bagi Selangor.

Dr Mohd Khir turut menanam sebatang pokok Merawan Siput Jantan di Sekolah Kebangsaan Olak Lempit, Dengkil.

-- BERNAMA

KM RV LAT